

Calon: MB Johor jawab laporan akhbar

JOHOR BAHRU, Ahad — Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat hari ini berkata, tidak siapa dapat meramalkan sama ada wakil-wakil rakyat UMNO yang ada sekarang akan bertanding atau tidak dalam pilihanraya yang akan datang.

Semua ini terpuang kepada budi bicara Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden Parti dan hasrat calon yang ditawarkan sama ada mahu menerima pencalonan atau tidak.

Jadi, kata beliau, di pilihanraya yang akan datang, wakil-wakil rakyat yang ada sekarang mungkin akan dipilih semula dan mungkin ada yang akan tercicir kerana tidak dipilih.

"Saya sebagai seorang wakil rakyat tidak terkecuali dalam proses pemilihan ini dan besar kemungkinan kiranya dicalonkan, saya akan

menerima pencalonan tersebut," kata beliau.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab laporan akhbar menyatakan bahawa besar kemungkinan beliau tidak akan bertanding di pilihanraya yang akan datang.

Laporan tersebut menyebut, seorang yang rapat dengan Menteri Besar berkata, beliau tidak akan bertanding untuk memberi peluang kepada muka baru.

Tak teragak

Menurut Tan Sri Othman, jika parti berkehendakkan tenaga beliau lagi, walaupun telah menjadi Menteri Besar selama 15 tahun, jika masih mendapat sokongan di Johor dan kesihatan baik, tidak ada sebab mengapa beliau tidak akan menerima pencalonan itu.

"Bagi saya, kepercayaan parti amat penting, jika parti mahukan saya bersara,

saya tidak akan teragak-agak berbuat demikian," kata Tan Sri Othman lagi.

Ketika ditanya mengenai krisis UMNO di Johor yang isu utamanya mahukan beliau bersara, Tan Sri Othman Saat berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah menjelaskan kedudukan beliau.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan saya masih lagi diperlukan skurang-kurang sebelum pilihanraya yang akan datang.

"Jadi, selama masa itulah saya akan menjadi Menteri Besar Johor," kata beliau.

Tan Sri Othman tidak mahu menyentuh mengenai cawangan dan bahagian UMNO Johor yang telah bersuara mahu beliau bersara.

Menurut Menteri Besar itu, beliau akan hanya tunduk kepada arahan parti, pemimpin parti, bahagian dan cawangan.